



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROJEK CARING CENTRE BERI SINAR BAHARU KEPADA OKU MENTAL UNTUK KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN EKONOMI MEREKA

KUALA LUMPUR, 11 November 2022 – Kesejahteraan sosial golongan orang kurang upaya (OKU) mental akan diperkasakan lagi menerusi kerjasama tiga pihak melibatkan **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, **Lembaga Tabung Haji (TH)** dan **hospital-hospital kerajaan** yang menyediakan sokongan dan latihan pekerjaan sehingga mereka kembali berdikari dan mampu menyara diri dan keluarga.

Kerjasama ini telah melahirkan **Projek Caring Centre** di bawah **Program Cakna Prihatin PERKESO-TH**, yang menyaksikan penubuhan **16 Caring Centre** di hospital-hospital di bawah **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** di seluruh negara, termasuk **Hospital Kuala Lumpur (HKL)**.

Projek *Caring Centre* bertindak sebagai inisiatif perlindungan sosial kepada golongan OKU mental melalui sokongan kembali bekerja atau **Return to Work (RTW) PERKESO**, dengan kerjasama **Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI)**, **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**. Di HKL, Projek *Caring Centre* berlandaskan konsep *Green House* (tanaman agrikultur), produk kraftangan, dan kiosk jualan yang diusahakan oleh pesakit psikiatri sebagai platform persediaan integrasi semula ke dalam masyarakat dan alam pekerjaan, termasuk bekerja sendiri.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007 sehingga kini, Program RTW PERKESO telah membantu seramai **49,363** orang pekerja yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan dan penyakit termasuk hilang upaya mental, untuk bekerja semula setelah mengikuti program rehabilitasi vokasional.

Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed berkata, pembangunan Projek *Caring Centre* adalah tepat pada waktunya, apabila isu kesihatan mental semakin ketara dalam masyarakat akibat kesan pandemik COVID-19.

“Projek ini, yang dikendalikan bersama antara Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di hospital-hospital Kerajaan dan Program RTW PERKESO, menumpukan usaha kepada aktiviti intervensi yang lebih relevan dengan menggunakan kepakaran daripada *interdisciplinary team* agar pekerja yang menghadapi masalah kesihatan mental, dapat merasai peluang untuk bekerja semula dan kembali kepada masyarakat,” ujar beliau sewaktu Majlis Pelancaran Projek Caring Centre MENTARI Kuala Lumpur semalam.

Di bawah Program Cakna Prihatin PERKESO-**TH**, pihak **TH** akan membuat sumbangan kewangan bagi penubuhan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah Projek *Caring Centre* di 16 hospital kerajaan di seluruh negara, selain menaja caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO untuk peserta *Caring Centre* yang memilih untuk bekerja sendiri. Program Cakna Prihatin ini, yang merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat, telah dimeterai melalui satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara PERKESO dan **TH** yang ditandatangani pada bulan Oktober.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Dato’ Sri Amrin Awaluddin berkata, “Saya percaya kerjasama ini akan membantu para pencarum yang menghadapi masalah kesihatan mendapat sokongan yang sepatutnya untuk bangkit semula meneruskan kehidupan mereka dan kembali menjana pendapatan diri serta keluarga.”

Secara keseluruhannya, sumbangan **TH** bagi kerjasama dalam program ini di peringkat nasional adalah sebanyak **RM800,280.00**. Pecahan sumbangan **TH** adalah seperti berikut:

- i. Sumbangan berjumlah **RM23,280** untuk SKSPS bagi 100 orang terpilih.
- ii. Sumbangan berjumlah **RM357,000** untuk kenderaan perniagaan kepada 15 orang pekerja, manakala 50 pekerja mendapat peralatan perniagaan.
- iii. Peruntukan sebanyak **RM420,000** untuk Projek *Caring Centre* di 16 buah hospital kerajaan seluruh negara bagi menjalankan aktiviti seperti bakeri, cuci kereta, kraftangan, makanan, minuman dan sebagainya.

Sementara itu, **Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dato’ Seri Dr. Noor Hisham Abdullah** menekankan kepentingan peningkatan kesedaran masyarakat dalam usaha untuk mengurangkan stigma terhadap pesakit psikiatri. Menurut beliau, cabaran utama yang sering dihadapi oleh pesakit-pesakit tersebut untuk kembali bekerja adalah **stigma** masyarakat terhadap mereka.

Isu stigma ini bukan sahaja berlaku di negara kita, malah di negara-negara lain juga, di mana kadar pengangguran dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan di kalangan mereka yang mengalami penyakit mental juga tinggi. Keadaan ini lebih ketara bagi yang mengalami penyakit mental serius seperti skizofrenia, bipolar dan kemurungan. Adalah dianggarkan

bahawa **kurang daripada 20%** daripada individu-individu yang menghidap penyakit mental serius seperti skizofrenia **mempunyai pekerjaan**.

“Kesudian pihak PERKESO dan Lembaga Tabung Haji untuk menjalankan projek kolaborasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membantu proses pemulihan, perawatan dan rehabilitasi pesakit-pesakit kita yang mengalami penyakit mental merupakan satu langkah positif ke hadapan,” kata beliau dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Dr Mohd Azman Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM yang mewakili beliau ke Majlis Pelancaran tersebut.

Program sokongan pekerjaan (*supported employment*) merupakan salah satu intervensi rehabilitasi psikiatri secara *evidence-based* yang ditawarkan di Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh negara. Selain membantu pesakit mencari pekerjaan di pasaran terbuka, sokongan pekerjaan secara berterusan juga diberikan kepada pesakit sepanjang masa mereka kekal bekerja.

Bagi pesakit yang belum bersedia untuk bekerja secara kompetitif di pasaran terbuka, MENTARI KKM juga menyediakan perkhidmatan program transisi pekerjaan (*employment transition programme*), di mana mereka akan diberikan latihan sebagai persediaan dalam peralihan untuk bekerja semula. Program sokongan pekerjaan yang dijalankan di MENTARI KKM didapati berkesan dalam membantu pesakit sedemikian untuk bekerja semula. Setakat ini, **lebih 60%** daripada pesakit program sokongan pekerjaan di MENTARI KKM telah berjaya ditempatkan bekerja semula.

Latar Belakang PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan pada 1971 sebagai sebuah Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan. Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan termasuk Bajet 2021 dan Bajet 2022.

Latar Belakang Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai lebih 58 tahun pengalaman, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Pusat Panggilan **TH** (THCC) di talian 03-6207 1919.

Latar Belakang Hospital Kuala Lumpur

Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1971 susulan polisi desentralisasi ketika itu, dan mula beroperasi di Institut Kajisaraf Tunku Abdul Rahman (IKTAR) bersama-sama dengan Jabatan Neurologi dan Jabatan Neurosurgeri. Kini, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kuala Lumpur terus membangun dan berkembang sebagai pusat rujukan dan latihan untuk perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental negara. Selain perkhidmatan psikiatri am, pelbagai perkhidmatan sub-kepakaran psikiatri disediakan untuk pelbagai lapisan masyarakat termasuk perkhidmatan psikiatri komuniti dan rehabilitasi, psikiatri ketagihan, psikiatri geriatrik, neuropsikiatri, psikiatri konsultasi-liaison, dan psikiatri kanak-kanak dan remaja.

Untuk perkhidmatan psikiatri komuniti dan rehabilitasi khususnya, MENTARI Kuala Lumpur menjalankan program sokongan pekerjaan dan program kerjasama RESTART bersama PERKESO dengan tujuan membantu pesakit kembali bekerja, selain aktiviti-aktiviti rehabilitasi berasaskan pekerjaan bagi membantu proses rawatan dan pemulihan pesakit.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Hamisah Hamid, PERKESO
+6019-3833 605
hamisah.hamid@perkeso.gov.my

Alisha Nur Mohd Noor, **TH**
+6019-675 1762
alisha.nur@lth.gov.my

Dr Peter Low, HKL
+603-26155555 (ext 1382)
mentari.hkl@gmail.com